

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

HKB 213 Kesusasteraan Afrika Modern

Masa: [3 jam]

**KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN
DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.**

Jawab **EMPAT** [4] soalan.

1. Menerusi novel The Beautiful Ones Are Not Yet Born, pengarangnya, Ayi Kwei Armah melihat bumi Ghana sebagai “a land of the spiritually dead” (Ustace Palmer 1973: 130).

Berdasarkan pemerhatian Armah itu, terangkan berserta contoh-contoh yang signifikan, bagaimana beliau mempertentangkan imej keharmonian dengan imej kejijikan yang membawa pengertian “kekuatan untuk membangunkan percaya diri rakyat Ghana belum menjelma lagi.”

2. Bahagian Dua novel Things Fall Apart karya Chinua Achebe memperlihatkan kembalinya Okonkwo dan keluarganya ke kampung ibunya di Mbanta selama tujuh tahun untuk hidup dalam buangan.

- [a] Apakah makna yang tersirat di sebalik peristiwa tersebut?
- [b] Berikan pandangan anda terhadap ungkapan-ungkapan berikut:
 - [i] Okonkwo was only a boy then and Uchendu still remembered him crying the traditional farewell; “Mother, mother, mother is going.” (hlm. 113)
 - [ii] “It is a female (*Ochu*).” (hlm. 113)
 - [iii] Can you tell me, Okonkwo, why it is that one of the commonest names are give our children in Nneka, or ‘Morther is Supreme’? Why is that?” (hlm. 117)

...2/

3. Cerpen "Mother was a Great Man" karya Catherine Obianuju Acholonu, "Feather Women of the Jungle" karya Amos Tutuola dan "Cut Me a Drink" karya Christina Ama Ata Aidoo dipersembahkan dengan penggabungan elemen-elemen masa kini dan masa lampau.

Pada pandangan anda, sejauhmanakah elemen-elemen ini boleh memberikan kesan yang menarik terhadap pengakhiran cerpen-cerpen tersebut?

4. Telitikan petikan berikut, (hlm. 117)

"Mereka tidak mempunyai masa depan. Mereka hanya orang yang putus asa. Mereka hidup dengan penderitaan mereka, dan mereka minum banyak kerana penderitaan mereka. **Aku** ingin memberi mereka harapan"

(Laungan Kebebasan: 324).

- [a] Berdasarkan petikan itu jelaskan falsafah perjuangan 'aku' dan apakah kesudahannya?
- [b] Bagaimana anda menjelaskan bahawa gabungjalin antara fakta sejarah dan aspek latar dapat meninggalkan kesan yang mendalam ke atas novel ini?
5. Fahaman Negritude dinyatakan oleh Leopold Sedar Senghor sebagai "the sum total of the cultural values of black Africa" (Phanuel Akubueze Egejure 1980: 4).
- Jelaskan mengapa dan bagaimana fahaman ini dititikberatkan oleh pengarang-pengarang Afrika dalam hasil karya mereka.
6. Drama The Swamp-Dwellers karya Wole Soyinka sarat dengan persoalan-persoalan falsafah kemanusiaan dan keutuhan tradisi.

Dengan memfokuskan kepada watak Alu dan isterinya Makuri, dan anak-anak mereka Awuchike dan saudara kembarnya, Igwezu, perlihatkan bagaimana kelompok manusia ini menjadi mangsa atau orang yang tertipu oleh tuntutan kebendaan dan kehidupan di bandar.

7. Berdasarkan peristiwa-peristiwa pahit yang dilalui oleh watak Ma dan Mavis dalam cerpen “Resurrection” karya Richard Rive, keganasan dapat menjadi jalan terakhir untuk menentang amalan hidup berasaskan warna kulit. Bincangkan.

--oo000oo--